



**JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR**  
 Tingkat. 2,3,4,5 & 9, Blok B, Wisma Persekutuan  
 Jalan Ayer Molek  
 80590 JOHOR BAHRU  
 JOHOR DARUL TAKZIM



Tel : 07-2245180/188/189  
 Faks : 07-2232603 (Pengarah)  
<http://jknjohor.moh.gov.my>

Ruj. Tuan :

Rujukan : JKNJ/SW/500-12-4 Jld. 3(40)

Tarikh : 13 Ogos 2017

### SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN BILANGAN 5/2017:  
 KESELAMATAN ANGGOTA YANG MENGIRINGI PESAKIT DALAM AMBULANS  
 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas,

2. Bersama-sama ini dimajukan Surat Arahan Ketua Pengarah Kesihatan, KKM Bilangan 5 Tahun 2016 kepada Pengarah Hospital / Pegawai Kesihatan Daerah / Pegawai Yang Menjaga Klinik dan Penyelia Jururawat Kesihatan / Penolong Pegawai Perubatan perlu memastikan keselamatan anggota yang mengiringi pesakit dalam ambulans.
3. Sehubungan itu, kerjasama tuan selaku Ketua Jabatan adalah diminta untuk memanjangkan dan memaklumkan mengenai perkara tersebut kepada pegawai dan anggota di bawah seliaan tuan.
4. Kerjasama tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

*Roosaimi*

(DR. HJH ROOSAIMI MERICAN BINTI A. RAHIM MERICAN)  
 Pengarah Kesihatan Negeri  
 Jabatan Kesihatan Negeri Johor

s.k

- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
- Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

*Mohd. Salleh*

*Unit PHCAS*

*Salleh*  
 14/8



**LAMPIRAN 1****SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BILANGAN 5 /2017****KESELAMATAN ANGGOTA YANG MENGIRINGI PESAKIT DALAM AMBULANS KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA****Keselamatan sebelum perjalanan**

1. Anggota yang mengiringi pesakit
  - a. Anggota berkenaan hendaklah sihat fizikal tubuh badan di mana beliau mampu membantu pesakit ke atas *stretcher* dengan cara papahan atau mengangkat.
  - b. Anggota yang diketahui mempunyai penyakit *motion sickness* perlu mengambil tindakan yang bersesuaian sebelum menaiki ambulans seperti mendapatkan rawatan terlebih dahulu atau mengambil ubat berkaitan.
  - c. Anggota wanita yang hamil tidak dibenarkan mengiringi pesakit dalam ambulans. Sekiranya tiada opsyen (ketiadaan staf), anggota yang hamil hanya dibenarkan menaiki ambulans jika bukan dalam kategori berikut:
    - i. Berisiko tinggi tanpa mengira usia kandungan
    - ii. Usia kandungan pada atau melebihi 28 minggu
    - iii. Mengalami komplikasi pada trimester pertama seperti *hyperemesis gravidarum*, *threatened miscarriage* dan *per vaginal bleeding*
2. Program latihan dan orientasi ambulans
  - a. Anggota perlu diberi orientasi mengenai penggunaan peralatan keselamatan di dalam ambulans.
  - b. Anggota perlu dilatih mengenai tatacara penjagaan pesakit semasa di dalam ambulans.
  - c. Anggota perlu dilatih untuk menggunakan peralatan di dalam ambulans dengan selamat.
3. Kenderaan
  - a. Semua *active safety equipment* (seperti tali pinggang keselamatan anggota, pesakit dan penumpang) hendaklah dalam keadaan baik berfungsi dengan sempurna dan mencukupi seperti mana pada spesifikasi asal kenderaan)

- b. Semua peralatan perubatan yang dibawa perlu *secure* supaya ianya tidak terjatuh atau menghempap pesakit di dalam ambulans yang boleh menjasakan keselamatan kakitangan atau pesakit.
- c. Pemandu perlu melaporkan segera jika terdapat sebarang masalah atau kerosakan pada ambulans sebelum memulakan perjalanan seperti brek kurang mencengkam atau tanda-tanda amaran mula kelihatan (contoh kerosakan *airbag* dll)

#### **Keselamatan semasa perjalanan**

- 1. Anggota, pesakit dan penumpang yang mengiringi pesakit hendaklah menggunakan semua alat *active safety equipment* yang telah disediakan dalam ambulans.
- 2. Pemanduan yang berhemah hendaklah diamalkan pada setiap masa. Pemanduan menggunakan *lights* dan *siren* hendaklah dihadkan kepada situasi pesakit tidak stabil sahaja dan mengikut garis panduan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- 3. Pemandu perlu mematuhi semua peraturan jalanraya seperti mematuhi had laju yang ditetapkan, peraturan lampu isyarat dan tidak memotong garisan berkembar.

#### **Keselamatan selepas perjalanan**

- 1. Anggota yang mengalami kecederaan semasa dalam berlugas mengiringi pesakit di dalam ambulans hendaklah melaporkannya menggunakan borang WEHU-1.
- 2. Laporan juga perlu dilakukan jika mengalami situasi kecemasan semasa menaiki ambulans seperti ambulans hampir terbabas dan sebagainya.